

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
Petra Jaya
93050 Kuching, Sarawak

Tel : +6082-473473
Faks : +6082-473478
Laman Web : jpnsarawak.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNSW(SPS).600-11/1/4 Jld.14 (46)

Tarikh : **16** Jun 2025

Pengerusi

Layar Education Development Committee

Queen's Court

Blok E-4-1, Lot 9937

Jalan Wan Alwi

93350 Kuching, Sarawak

Tuan,

REQUEST FOR SUPPORT AND ENDORSEMENT FOR SARAWAK ENGLISH LITERACY CONFERENCE (SELC) 2025

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) telah menerima dan meneliti permohonan pihak tuan untuk menjemput penyertaan guru-guru di kelas prasekolah dan sekolah rendah seluruh negeri Sarawak bawah seliaan jabatan ini bagi pelaksanaan *Sarawak English Literacy Conference (SELC) 2025* yang akan diadakan pada **17 hingga 19 September 2025**.

3. JPNS tiada halangan bagi memberi kelulusan kepada permohonan pihak Layar Education Development Committee tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 5/2018** – Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10/2011** – Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah dalam Program atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain daripada Agensi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia di samping mematuhi syarat-syarat berikut:

- 3.1 Mendapat kebenaran daripada pegawai pendidikan daerah dan guru besar sekolah-sekolah yang terlibat; (Rujukan: Perkara 3.1, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.10/2011);
- 3.2 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.3 **Penyertaan guru-guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau menjejaskan proses kerja harian mereka;**
- 3.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan guru-guru yang terlibat dengan program ini;
- 3.5 Guru-guru mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;
- 3.6 **Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;**
- 3.7 Surat kebenaran/kelulusan ini bukan sebagai pengesahan program dianjurkan secara kerjasama bersama-sama JPNS atau KPM. Sijil penyertaan program yang ditandatangani oleh pengurusan tertinggi JPNS atau KPM tidak dibenarkan kecuali program kerjasama dengan pihak JPNS atau KPM secara langsung;
- 3.8 Hanya peserta dan urus setia program, pegawai/ahli Layar Education Development Committee yang telah **lengkap divaksinasi** seperti dalam MySOP Prosedur Operasi Standard (SOP) #ReopeningSafely dibenarkan terlibat dalam program ini;
- 3.9 Pemakaian pelitup muka pada setiap masa pelaksanaan program adalah **digalakkan;**

- 3.10 Hanya peserta dan urus setia program, pegawai/ahli Layar Education Development Committee yang tidak bergejala dan status MySejahtera 'Risiko Rendah' dibenarkan terlibat dalam program ini;
 - 3.11 Tiada implikasi kewangan kepada KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, sekolah, guru-guru yang terlibat;
 - 3.12 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;
 - 3.13 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapatkan persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;
 - 3.14 Penggunaan logo JPNS atau KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program. Syarat permohonan adalah seperti yang terkandung dalam Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia di pautan <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/gp-logo>; dan
 - 3.15 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak Layar Education Development Committee gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
4. Untuk makluman tuan, pihak KPM sentiasa Melindungi Masa Instruksional (MMI), iaitu masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru dan murid. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya **penyertaan guru-guru bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP** agar tidak menjejaskan waktu PdP guru dan murid; dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.


5. Kelulusan ini [*Request for Support and Endorsement for Sarawak English Literacy Conference (SELC) 2025*] hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan luput selepas tarikh 19 September 2025.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(OMAR BIN HAJI MAHLI)

Pengarah Pendidikan
merangkap Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

- s.k. 1. Timbalan Pengarah
Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
2. Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Sumber Manusia, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
3. Pegawai Pendidikan Daerah
Semua Pejabat Pendidikan Daerah, Sarawak


LM/ZFM/INH/nin/kelulusanprogram_2025